

BAB SATU

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab satu merupakan bab permulaan kepada kajian ini. Ia mengandungi lapan bahagian iaitu latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, tujuan penyelidikan, skop kajian, metodologi penyelidikan, hipotesis, kajian lepas dan masalah kajian.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Setiap manusia dikurniakan Allah s.w.t. dengan pelbagai kurniaan. Segala kurniaan itu sama ada berupa ilmu, harta, kedudukan, kepakaran dan sebagainya hendaklah disebar kepada para hamba-Nya yang memerlukannya. *Al-sakhā'* adalah merupakan salah satu sifat yang mulia dan Islam memuji sifat ini. Ia merupakan sifat yang berlawanan dengan sifat bakhil iaitu suatu sifat buruk pada pandangan Islam. Orang-orang mukmin ditegah bersifat dengannya kerana sifat ini mendatangkan bahaya untuk dunia dan akhiratnya. Sifat pemurah yang merupakan sifat terpuji itu perlu disemai dan diamalkan oleh umat Islam kerana ia memberi kesan positif kepada kedua belah pihak sama ada pemberi atau penerima.

Tetapi yang menjadi persoalan ialah adakah konsep *al-sakhā'* ini difahami dan dihayati oleh umat Islam. Persoalannya juga apakah dalam pengamalan konsep ini mereka menghadapi halangan dan masalah. Persoalan inilah yang cuba diselidik oleh penulis dengan memilih tajuk *Kefahaman Tentang al-Sakhā' dan Penghayatannya di Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*.

Penulis memilih untuk membuat penyelidikan di kalangan kakitangan akademik dan pentadbiran UiTM, Shah Alam, Selangor kerana ia merupakan pusat pengajian terkemuka dan majoriti kakitangannya beragama Islam. Ia juga merupakan kampus induk yang sedang meningkatkan prestasi kakitangan dan mahasiswanya. Urusan pengendalian kerja di sini mencabar pemikiran dan tenaga kerja kakitangan sehinggakan mereka kesuntukan masa untuk memikirkan tentang masalah yang menimpa orang lain. Atas dasar ini, penulis ingin mengetahui apakah perkara-perkara tersebut memberi kesan kepada kefahaman dan penghayatan mereka terhadap konsep *al-sakhā'* ini.

Di sini penulis memaparkan serba ringkas mengenai negeri Selangor dan sejarah UiTM, Shah Alam, Selangor.

1.2.1 Negeri Selangor

Selangor adalah sebuah negeri di Malaysia yang telah didiami oleh manusia sejak lebih 2000 tahun lalu terutama di bahagian berhampiran Sungai Selangor. Ia merupakan sebuah negeri yang pesat membangun terutama dari segi

perindustrian. Kedudukannya bersempadan dengan Perak di bahagian utara, Pahang di timur, Melaka di barat dan Negeri Sembilan di selatan. Ibu negeri Selangor sekarang ialah Shah Alam.¹

Keluasan negeri ini kira-kira 7,956 km persegi. Seluas 364,040 hektar digunakan untuk kawasan pertanian, 13,872 hektar untuk perlombongan, 20,658 hektar untuk pembangunan luar bandar dan 6,811 hektar untuk kawasan perindustrian. Terdapat 9 buah daerah di negeri ini iaitu Gombak, Hulu Langat, Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sepang dan Petaling. Ia juga mempunyai sungai-sungai yang besar seperti Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Sepang, Sungai Selangor dan lain-lain.²

Penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain.³ Dari segi ekonomi, Selangor telah muncul sebagai zon industri yang terbesar di Malaysia. Bandar-bandar industri yang terkemuka di negeri ini ialah Klang, Petaling Jaya, Shah Alam, Bangi dan Subang Jaya. Ekonomi negeri ini telah mencatatkan pertumbuhan yang konsisten.⁴

Dari segi kebudayaan, tidak terdapat bentuk atau ciri-ciri kebudayaan yang khusus untuk dikaitkan dengan negeri Selangor. Umumnya, ini disebabkan oleh penduduk Melayu yang menetap di negeri ini berasal dari suku kaum

¹ *Ensiklopedia Islam* (1998). Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia Berhad, j. 9, hlm. 156; *Ensiklopedia Malaysiana* (1995). Shah Alam, Selangor: Anzargam Sdn. Bhd., j. 11, hlm. 426.

² *Ensiklopedia Islam* (1998), *op.cit.*, j. 9, hlm. 160; *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), *loc.cit.*

³ *Ensiklopedia Islam* (1998), *op.cit.*, j. 9, hlm. 161; *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), *op.cit.*, j. 11, hlm. 428.

⁴ *Ensiklopedia Islam* (1998), *loc.cit.*; *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), *loc.cit.*

gugusan pulau-pulau Indonesia seperti orang Jawa, Mandailing, Banjar, Bugis dan lain-lain. Pada dasarnya budaya yang diamalkan hanya berasaskan kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat mengikut suku kaum masing-masing iaitu berkisar tentang adat dan kebiasaan hidup.⁵

Kerajaan negeri Selangor juga sentiasa prihatin terhadap pendidikan rakyat jelatanya. Pada masa kini terdapat banyak institusi pengajian tinggi dibangunkan di negeri ini sama ada institut pengajian tinggi awam atau institut pengajian tinggi swasta. Di antara institut pengajian tinggi awam ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Manakala institut pengajian tinggi swasta ialah Pusat Teknologi Pengurusan Lanjutan (PTPL), MTDC Multimedia Academy, Limkokwing Institute of Creative Technology, Metropolitan College, The Millennium Institute of Technology, Sunway College, Taylor's College, Kolej Prime, Monash University Malaysia, Kolej INPENS, Universiti Industri Selangor (UNISEL), Institute of Global Management dan Institute of Marketing Malaysia.

1.2.2 Sejarah UiTM, Shah Alam, Selangor

Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) diilhamkan oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar. Ia mula beroperasi pada bulan November 1956 dan dibuka dengan rasminya oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman pada 14 Februari 1957.

⁵ *Ensiklopedia Islam* (1998), *op.cit.*, j. 9, hlm. 164.

Lanjutan daripada Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan pada 5 hingga 7 Jun 1965 di Kuala Lumpur, sejumlah 68 resolusi telah dihasilkan. 22 daripadanya merupakan penilaian semula peranan dan objektif RIDA. Hasil daripada perbincangan yang menyeluruh nama RIDA telah dipersetujui untuk ditukar kepada nama Majlis Amanah Rakyat (MARA). Dalam bulan Disember 1965 Parlimen telah meluluskan Akta MARA dan Dewan Latihan RIDA telah bertukar kepada nama Maktab MARA.

Pada 14 Oktober 1967, majlis perletakan batu asas telah disempurnakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak⁶ di Shah Alam sebagai tanda permulaan kampus baru Maktab MARA di kawasan seluas kira-kira 300 ekar. Pembinaan bangunan baru telah dilakukan pada awal tahun 1968 dan sekali lagi pertukaran nama telah dilakukan, dari Maktab MARA kepada Institut Teknologi MARA (ITM).

Pada pertengahan tahun 1972, kampus induk di Shah Alam telah dibuka dengan rasminya. Pada akhir tahun 1970an, ITM telah muncul sebagai badan persendirian. Ia tidak lagi diletakkan di bawah kawalan Bahagian Latihan MARA tetapi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam bulan Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan oleh Parlimen dan ITM telah ditadbir di bawah Kementerian Pendidikan.

⁶ *Education In Malaysia: Profiles Of Excellence* (t.t.). Petaling Jaya, Selangor: Malaysian Education Promotion Council, hlm. 101; *Prospektus ITM Khas Untuk Sekolah Menengah* (1999 / 2000), Edisi 1. Shah Alam, Selangor: Institut Teknologi MARA, hlm. 1 – 3; *UiTM Prospectus 2000 / 2001* (2000 / 2001). Shah Alam, Selangor: Universiti Teknologi MARA, hlm. ii & iii; *Majlis Pengkisahan Sejarah Universiti Teknologi MARA (UiTM)* (2001). Shah Alam, Selangor: Universiti Teknologi MARA, hlm. 8 – 10.

Tanggal 26 Ogos 1999 satu pertemuan secara besar-besaran melibatkan pentadbir, pelajar dan bekas pelajar iaitu Perhimpunan Perdana Siswazah ITM Bersama Perdana Menteri telah diadakan di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor. Di perhimpunan tersebut, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa ITM akan dipanggil Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pada 25 Februari 2000, Akta ITM (pindaan 2000) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan diikuti oleh Dewan Negara pada 8 Mei 2000. Nama UiTM berkuatkuasa pada tarikh pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri.⁷

Kampus UiTM Shah Alam yang terletak di Jalan Ilmu 1/1, Seksyen 1, Shah Alam, Selangor merupakan kampus induk. Terdapat pelbagai bahagian dan kajian di universiti ini yang melibatkan jumlah kakitangan yang ramai terdiri dari kakitangan pentadbiran dan akademik sama ada kakitangan profesional atau sokongan. Di antara bahagian dan kajian yang terdapat di universiti ini ialah Hal Ehwal Akademik (HEA), Malaysian Entrepreneur Development Council (MEDEC), Bureau of Research and Consultation (BRC), Pusat Sumber Pengajaran Pembelajaran (PSPP), Penyelenggaraan, Pejabat Pendaftar, Unit Keselamatan, Pejabat Bendahari, Hal Ehwal Pelajar (HEP), Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Pengajian Maklumat, Fakulti

⁷ *UiTM Prospectus 2000 / 2001* (2000 / 2001) *op.cit.*, hlm. iii & iv; *Majlis Pengkisahan Sejarah Universiti Teknologi MARA (UiTM)* (2001), *op.cit.*, hlm. 10.

Pendidikan, Fakulti Sains, Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang, Pusat Bahasa, Pusat Pengajian Lanjutan, Pusat Pendidikan Islam dan lain-lain lagi.

1.3 PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

Kefahaman Tentang *al-Sakhā'* dan Penghayatannya di Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Kefahaman : Keupayaan atau kemampuan memahami, faham tidaknya (seseorang) tentang sesuatu yang dipelajari, dibaca dan sebagainya.⁸

al-Sakhā' : Kemurahan hati⁹ atau kedermawanan.¹⁰

⁸ *Kamus Dewan* (1994), edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 347.

⁹ Ḥusīn al-Ḥabsyī (1989), *Kamus al-Kautsar Terjemahan Lengkap Arab – Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, hlm. 166; Elias A.Elias & Edward E.Elias (1992), *Qāmūs Elias al-ʿAṣrī: ʿArabī – Injilīzī*, cet. 18. Cairo: Elias Modern Publishing House & Co., hlm. 294; Rōhī al-Bawalbakī (1995), *al-Mawrid: Qāmūs ʿArabī – Injilīzī*, cet. 7. Beirut: Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn, hlm. 626.

¹⁰ Ibrāhīm Anīs *et.al* (t.t.), *al-Muʿjam al-Wasīl*, j. 1, cet. 2. T.T.P.: T.P., hlm. 422.

- Penghayatan : Perihal menghayati, mengalami dan merasai dalam batin¹¹ atau pengalaman batin.¹²
- Kalangan : Lingkungan, golongan, lingkaran, gelanggang,¹³ ruang, kandang, medan, tanah lapang, padang, arena, kawasan, pangkuan, jurusan, lapangan, kumpulan.¹⁴
- Kakitangan : Pekerja (pejabat, syarikat dan lain-lain), pembantu yang turut melaksana atau menguruskan kerja,¹⁵ tenaga atau anggota pekerja, staf, personil, pegawai, ulas tangan, abdi, pembantu, konco.¹⁶

Ringkasnya, pengertian tajuk disertasi ini ialah kemampuan memahami sifat kemurahan hati dan perihal menghayatinya di dalam batin. Di sini penulis mengkhususkan kajian penyelidikan terhadap kumpulan staf UiTM Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

¹¹ *Kamus Dewan* (1994), *op.cit.*, hlm. 447.

¹² *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 604.

¹³ *Kamus Dewan* (1994), *op.cit.*, hlm. 565; *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995), *op.cit.*, hlm. 770.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Kamus Dewan* (1994), *op.cit.*, hlm. 563.

¹⁶ *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995), *op.cit.*, hlm. 768.

Antara permasalahan yang akan dibincangkan dalam disertasi ini ialah:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-sakhā'* itu serta apa pandangan Islam terhadapnya?
2. Apakah keutamaan sifat *al-sakhā'* dan sejauhmanakah had dan batasnya menurut perspektif Islam?
3. Apakah maksud aset yang sebenarnya dan bagaimanakah penilaiannya menurut Islam?
4. Bagaimanakah penggunaan aset yang sebaiknya menurut Islam?
5. Bagaimanakah umat Islam terdahulu memanfaatkan aset yang mereka miliki?
6. Sejauhmanakah kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor memahami dan menghayati konsep *al-sakhā'* ini dalam kehidupan harian mereka?
7. Apakah permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor khasnya dan masyarakat Islam amnya dalam mengamalkan konsep ini serta bagaimanakah pendekatan yang terbaik untuk mempraktikkan amalan konsep ini?

1.4 TUJUAN PENYELIDIKAN

Penulis telah memilih tajuk ini sebagai bahan kajiannya berdasarkan kepada beberapa sebab, antaranya ialah untuk:

1. Mengetahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkataan *al-sakhā'* dan kedudukannya menurut pandangan Islam.
2. Memahami tentang keutamaan atau keistimewaan sifat *al-sakhā'* ini menurut kacamata Islam.
3. Memahami dengan lebih jelas tentang konsep aset dan nilainya menurut perspektif Islam.
4. Mengenalpasti cara penggunaan aset yang menepati kehendak syarak.
5. Mendedahkan pengamalan serta penghayatan umat Islam terdahulu dalam penggunaan aset yang dikurniakan Allah s.w.t. supaya dapat diteladani dan dihayati.
6. Menyingkap kefahaman serta penghayatan *al-sakhā'* di kalangan kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor dan bagaimanakah aset yang dimiliki dimanfaatkan.

7. Mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor khasnya dan masyarakat Islam amnya dalam menghayati sifat *al-sakhā'* serta mencadangkan jalan penyelesaian dalam mengguna dan mengagih-agihkan aset yang dianugerahkan Allah s.w.t.
8. Menyedarkan penulis sendiri dan masyarakat agar memahami dengan sejelas-jelasnya sifat *al-sakhā'* ini seterusnya mendorong ke arah menghayati dan melaksanakannya dalam kehidupan harian.
9. Menjadi sebagai pembuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian seterusnya mengenai sifat-sifat terpuji dan nilai-nilai murni yang dianjurkan Islam.

Tujuan kajian yang telah digariskan ini telah terlaksana dan penulis dapat memahami tajuk serta aspek-aspek yang dibincangkan dengan baik.

1.5 SKOP KAJIAN

Ruang lingkup kajian ini berkisar kepada huraian pengertian *al-sakha'* dan aset serta galakan pengamalan *al-sakhā'* dengan merujuk kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis, pendapat ulama dan pengamalan umat terdahulu terhadap konsep ini.

Perbincangan hanya bertumpukan kepada kefahaman dan penghayatan kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor sahaja tanpa membandingkan secara langsung dengan kakitangan UiTM kampus cawangan.

Data-data yang dikumpul untuk penulisan ini berdasarkan kepada sumber dokumen pertama dan kedua di samping kaji selidik dan observasi. Masa yang diperuntukkan untuk mengumpul, menganalisis dan menulis lebih kurang setahun iaitu dari bulan Mac 2001 sehingga Mac 2002.

1.6 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Istilah metodologi berasal dari bahasa Yunani, *methodos* dan *logos*. *Methodos* bermaksud cara atau jalan dan *logos* bererti cara.¹⁷ Ringkasnya metodologi ialah ilmu tentang cara atau ilmu tentang cara mengadakan penelitian.¹⁸ Dalam bidang kajian ilmiah, metode merupakan aspek terpenting kerana ia adalah kaedah kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.¹⁹

Dalam menyempurnakan penyelidikan dan penulisan disertasi ini, metodologi penulisan yang digunakan terbahagi kepada dua jenis iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data atau penulisan.

¹⁷ Koentjaraningrat (ed.) (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, hlm. 7.

¹⁸ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP – IKIP, hlm. 51.

¹⁹ Koentjaraningrat (1986), *loc. cit.*

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha pengumpulan data dan maklumat untuk penyusunan disertasi ini, dua metode pengumpulan telah digunakan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

1.6.1.1 Penyelidikan Perpustakaan

Kajian ini sebahagiannya berdasarkan penyelidikan perpustakaan melibatkan al-Quran, Hadis, penghuraian ahli tafsir dan ahli hadis, pandangan ulama terdahulu, kisah-kisah, buku-buku, ensiklopedia, kamus, penulisan ilmiah, prospektus dan majalah. Sumber yang digunakan adalah sumber utama di samping sumber kedua.

Tempat yang ditumpukan dalam pencarian data ini ialah:

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Tun Abd. Razak 1, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor.
3. Perpustakaan UiTM Seksyen 17, Shah Alam, Selangor.
4. Perpustakaan Raja Tun Uda, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Shah Alam, Selangor.
5. Perpustakaan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, masjid negeri Selangor, Shah Alam, Selangor.

6. Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Kuala Lumpur.
7. Perpustakaan Institut Agama Islam negeri Kedah (INSANIAH), Alor Setar, Kedah.

1.6.1.2 Penyelidikan Lapangan

Kajian ini turut melibatkan penyelidikan lapangan. Penulis mengedarkan borang kaji selidik (sila lihat lampiran) kepada 1000 orang kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor dalam usaha untuk mendapatkan data yang tepat. Mereka terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran dari semua peringkat Bahagian dan Kajian UiTM.

Penulis juga membuat pengumpulan data secara observasi dengan memerhati dan meneliti reaksi dan sumbangan yang diberikan oleh kakitangan dalam aktiviti yang dijalankan.

1.6.2 Metode Analisis Data / Penulisan

Dalam menganalisis data dan maklumat yang telah dikumpulkan, penulis menggunakan tiga metode asas iaitu metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

1.6.2.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah satu kaedah mencari satu kesimpulan sesuatu permasalahan melalui pengkajian data yang bersifat khusus. Kesimpulan yang lebih umum dihasilkan berdasarkan data-data tersebut. Cara menganalisis data yang dilakukan dalam penulisan ini ialah dengan membentangkan data yang bersifat khusus dan daripada data itu dibuat satu kesimpulan umum. Contohnya dalam bab ketiga, penulis menggunakan kaedah ini dalam meneliti pendapat sarjana dalam menerangkan definisi aset. Hasil daripada berbagai-bagai definisi yang diberikan, penulis merumuskan bahawa aset bukan hanya harta sahaja tetapi juga segala ciri keistimewaan dan kemahiran yang bernilai.

1.6.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah mencari kesimpulan sesuatu masalah berdasarkan pengkajian terhadap data-data yang bersifat umum. Kaedah ini antara lain digunakan dalam menghuraikan dalil-dalil umum yang dinyatakan oleh al-Quran dan Hadis untuk diaplikasikan sebagai asas kepada galakan pengamalan *al-sakhā'*.

1.6.2.3 Metode Komparatif

Metode komparatif ialah membuat kesimpulan dengan membandingkan di antara data dan maklumat yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berotoriti dikumpul serta dibuat perbandingan dan kesimpulan. Contohnya

penulis membandingkan kefahaman dan penghayatan di antara kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik mengenai konsep ini. Kesimpulan yang munasabah dibuat berdasarkan beberapa faktor seperti faktor pendidikan dan pendedahan yang berbeza mewujudkan kesan yang berlainan.

1.7 HIPOTESIS

Di antara andaian yang dibuat mengenai hasil penyelidikan yang akan diperolehi ialah:

1. Aset bermaksud wang dan harta yang dimiliki. Jadi konsep *al-sakhā'* ini hanya melibatkan aset yang berupa material seperti sedekah, wakaf, pinjaman dan lain-lain amalan berkaitan dengan aset material.
2. Kemungkinan kakitangan UiTM Shah Alam memahami konsep ini dengan baik dan menghayatinya dalam kehidupan di alam maya ini dengan pengamalan yang mendatangkan pahala berterusan.
3. Kemungkinan perbezaan usia, jantina, status, serta latar belakang pendidikan dan pendapatan boleh mempengaruhi masyarakat dalam memahami dan mengamalkan konsep *al-sakhā'*.

1.8 KAJIAN LEPAS

Dalam usaha penulis mengumpulkan data kajian ini, didapati bahawa konsep *al-sakhā'* ini tidak banyak diperbincangkan oleh ulama dan sarjana pada masa silam atau kini. Penulis hanya dapat mengesan beberapa orang ulama sahaja yang membahaskan perkara ini seperti al-Imām al-Ghazālī, al-Qāsimī, al-Syeikh Aḥmad Muḥammad 'Assāf, al-Ṭurṭūsyī, al-Khalīlī, al-Asfahānī, al-Jawziyyah, al-Jazā'irī, K.H.M. Ali Usman serta rakan-rakannya dan Prof. Dr. K.H. Muhibbuddin Waly.

Al-Imām al-Ghazālī membahaskan sifat pemurah di dalam bab *Mencela Kekikiran dan Harta Kekayaan*.²⁰ Dalam bab ini diterangkan aspek yang berkaitan dengan konsep *al-sakha'* seperti celanya harta kekayaan dan larangan mencintainya, pujian terhadap harta kekayaan dan meletakkannya antara puji dan cela, faedah harta, mencela tamak dan menyanjung *qanā'ah*, keutamaan sifat murah hati dan mencela kebakhilan, mengutamakan orang lain dan kelebihan, had sifat dermawan serta bakhil dan penawar orang yang bakhil. Dalam perbahasannya, al-Imām al-Ghazālī lebih memberi tumpuan kepada aset harta.

Begitu juga di dalam bab bertajuk *Mencela Kebakhilan dan Cintakan Harta*²¹ Bab ini membincangkan perkara yang hampir sama dengan perkara di atas di mana penumpuannya masih berkisar kepada aset harta. Tetapi penerangan

²⁰ Al-Ghazālī (1989), terj. Syed Ahmad Semait, *Bimbingan Mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbal 'Alamin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

²¹ Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1992), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirut: Dār Qutaibah.

dalam bab ini lebih terperinci berkaitan dengan kelebihan sifat murah hati dan kisah-kisah para dermawan, keburukan sifat bakhil dan kisah orang yang bakhil, kelebihan *al-'ithār*, had batasan sifat dermawan dan bakhil serta hakikat keduanya dan rawatan untuk orang yang bakhil. Selain dari itu, bab ini juga menjelaskan tentang tanggungjawab hamba terhadap hartanya, orang kaya dicela dan orang fakir dipuji.

Al-Qāsimī dan al-Syeikh Aḥmad Muḥammad 'Assāf turut membicarakan hal ini di dalam topik berjudul *Mencela Kebakhilan dan Cintakan Harta Kekayaan*.²² Mereka menghuraikan secara ringkas perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh Imām Ghazālī (1992) dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*.

Al-Turtūsyī dalam bab bertajuk *al-Jūd dan al-Sakhā'*²³ menjelaskan mengenai peringkat kemurahan hati iaitu *al-sakhā'*, *al-jūd* dan *al-'ithār*. Peringkat yang tertinggi ialah *al-'ithār*. Beliau juga menjelaskan tentang bentuk-bentuk *al-sakhā'* iaitu dari segi agama dan dunia diikuti dengan bahagian-bahagiannya.

Al-Khalīlī dalam bab berjudul *al-Sakhā' dan al-'Īthār*²⁴ mengemukakan pendapat-pendapat ulama tentang maksud serta huraian istilah ini. Penghuraianya disokong dengan hadis-hadis.

²² Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1994), *Maw'izah al-Mu'minīn min Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, cet. 8. Beirut: Dār al-Nafā'is; Muḥammad Jamāl al-Dīn ibn Muḥammad ibn Sa'īd al-Qāsimī (1995), *Maw'izah al-Mu'minīn min Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; Aḥmad Muḥammad 'Assāf (1988), *Bughyah al-Ṭalibīn min Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, cet. 4. Beirut: Dār Ihyā' al-'Ulūm.

²³ Abū Bakr Muḥammad ibn al-Walīd al-Fihri al-Turtūsyī (1994), *Sirāj al-Mulūk*, j. 1. T.T.P.: al-Dār al-Misriyyah.

²⁴ Sa'īd ibn Khalfān al-Khalīlī (1984), *Kitāb al-Akhhār wa al-'Āthār*, j. 2. T.T.P.: T.P.

Al-Asfahānī membicarakan perkara ini dalam tajuk *Hakikat al-Sakhā'*, *al-Jūd*, *al-Syūh* dan *al-Bukhl*.²⁵ Beliau menghuraikan perbezaan antara istilah-istilah sifat ini serta kesesuaian penggunaannya sama ada untuk makhluk atau Khalik. Contohnya untuk mensifatkan tentang kemurahan Allah s.w.t. digunakan perkataan *al-jūd* dan untuk mensifatkan kemurahan hati manusia pula perkataan *al-sakhā'* digunakan.

Al-Jawziyyah dalam tulisannya dengan judul *Manzilah al-'Īthār*²⁶ pula membincangkan tentang definisi istilah ini secara terperinci. Beliau juga menjelaskan kedudukan *al-'Īthār* lebih tinggi berbanding dengan *al-jūd* dan *al-sakhā'*.

Al-Jazā'iri menulis rencana bertajuk *Akhlak Dermawan dan Pemurah*.²⁷ Beliau menerangkan perkaitan di antara dermawan dan pemurah. Dermawan adalah akhlak muslim dan pemurah sifat orang dermawan. Perbincangannya bersandarkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Dalam tulisan ini turut disertakan contoh-contoh sifat dermawan para sahabat Rasulullah s.a.w.

K.H.M. Ali Usman dan para rakaannya menulis rencana ringkas dengan tajuk *Bermurah Hati dan Berakhlak Mulia*.²⁸ Dalam rencana ini dibentangkan

²⁵ Abū Qāsim al-Ḥusain ibn Muḥammad ibn al-Mufaḍḍal al-Asfahānī (1985), *Kitāb al-Dharī'ah ilā Makārim al-Syarī'ah*. Qāherah: Dār al-Ṣaḥwah.

²⁶ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1987), *Tahdhīb Madārij al-Sālikīn*, j. 2, cet. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risālah; Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Madārij al-Sālikīn bain Ma'āzih Iyyāk Na'bud wa Iyyāk Nasta'in*, j. 2. T.T.P.: Dār al-Rasyād al-Ḥadīthah.

²⁷ Abū Bakr Jabir al-Jazā'iri (1996), terj. Drs. Hasanuddin dan Didin Hafidhudin, *Pedoman Hidup Muslim*. Kuala Lumpur: Victory Agency.

²⁸ Ali Usman et. al (t.t.), *Hadīth Qudsi*, cet. ix. Kuala Lumpur: Pustaka al-Azhar.

firman-firman Allah s.w.t. dalam hadis-hadis *Qudsi* mengenai galakan bermurah hati dan berakhlak baik. Penjelasan beliau berkisar tentang maksud istilah dengan mengemukakan pendapat ulama. Contohnya, mengenai perbezaan di antara sifat pemurah (al-karam), peri kemanusiaan (al-murū'ah) dan bantuan (al-najdah) atau perbezaan di antara sifat pemurah (al-sakhā'), bijaksana (al-hazm) dan boros (al-isrāf).

Prof. Dr. K.H. Muhibbuddin Waly menulis satu topik bertajuk *Pemurah Adalah Ciri Khas Hamba-hamba Allah yang Salih*.²⁹ Dalam tulisannya diterangkan mengenai sifat pemurah dan bahagian-bahagiannya. Penjelasan beliau lebih menyeluruh iaitu tidak hanya memfokuskan kepada aset harta sahaja tetapi termasuk juga aset atau kurniaan Allah s.w.t. yang lain.

Kajian-kajian di atas merupakan kajian perpustakaan. Setakat ini penulis tidak menemui perbincangan mengenai *al-sakhā'* dalam bentuk kajian lapangan. Penulisan yang melibatkan aset selain daripada harta perlu dikembangkan oleh para cendekiawan Islam. Ini kerana kajian seperti ini dapat membantu masyarakat Islam lebih memahami konsep *al-sakhā'* ini dan dapat mempertingkatkan penghayatan dan perlaksanaannya. Kajian ini dapat menjadi salah satu daripada pelengkap kepada penulisan yang pernah dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu.

²⁹ Muhibbuddin Waly (1995), *Hakikat Hikmah Tauhid Dan Tasawuf (al-Hikam)*, cet. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

1.9 MASALAH KAJIAN

Dalam proses menyiapkan penyelidikan ini, penulis menghadapi beberapa masalah yang kadangkala membantut sebahagian penulisan ini. Di antaranya ialah:

1. Kesukaran memperolehi bahan-bahan rujukan asli atau kitab-kitab asal penulis-penulis terdahulu. Penulis terpaksa mencari di beberapa tempat untuk mendapatkannya seperti di Perpustakaan Awam Islam, JAKIM, Perpustakaan INSANIAH, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, UM dan beberapa tempat yang lain.
2. Kurangnya kerjasama dari responden untuk mengisi borang kaji selidik yang diedarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan menyebabkan penulis terpaksa pergi berulang kali ke tempat yang sama untuk mengutip borang. Bilangan responden yang memberi respons juga kurang memuaskan dan penulis perlu mengedarkan borang kaji selidik beberapa kali untuk memperolehi bilangan yang agak memuaskan bagi mendapatkan data yang tepat dan boleh dianggap mewakili keseluruhan sasaran kajian.
3. Penulis juga tidak dapat menulis teks al-Quran dan Hadis menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Ijazah Tinggi iaitu menggunakan *font tradisional Arabic* bersaiz 16 kerana dalil-

dalil ini diperolehi dengan cara mengimbas 'scan' daripada teks asal.

4. Kekangan masa yang terpaksa dihadapi oleh penulis kerana berkeluarga dan mempunyai anak-anak yang masih kecil. Penulis terpaksa membahagikan masa untuk mengumpul data, menganalisis dan menaipnya di samping meluangkan masa untuk menguruskan keluarga dan rumahtangga.

Kesimpulannya dengan berpandukan kepada sumber dan kaedah yang terbaik penulis cuba untuk menyelidik permasalahan kajian supaya objektif penyelidikan tercapai dan memastikan apakah hipotesis menjadi kenyataan atau sebaliknya.